

11/10/2000

Ahli baru sasaran kursus Umno

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Selasa - Ahli baru Umno di seluruh negara adalah antara kumpulan sasaran yang akan diberikan tumpuan bagi mengikuti kursus memahami perjuangan Umno anjuran Biro Latihan parti itu, November ini.

Kumpulan sasaran lain ialah ahli lama, terutama yang tidak pernah mengikuti kursus atau latihan yang dianjurkan Umno.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam berkata ini selaras dengan hasrat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu setiap ahli memahami perjuangan parti membela bangsa, agama dan tanah air serta turut memahami tanggungjawab masing-masing sebagai ahli parti.

Beliau berkata, asas itu akan dijadikan garis panduan Biro Latihan dalam menganjurkan kursus untuk kumpulan sasaran terbabit supaya memahami sejarah perjuangan Umno serta tugas sebagai ahli parti di semua peringkat.

"Biro Latihan akan membincangkan perkara itu dalam mesyuarat di ibu pejabat Umno di Kuala Lumpur pada 15 Oktober ini, sebelum dibentangkan dalam mesyuarat MT keesokannya," katanya selepas merasmikan majlis Intai Kami Antara Nampak, Esok Jangan Rindu-rinduan serta pelancaran Cabaran Kinabalu anjuran Pemuda Umno bahagian Batu Berendam di sini, malam tadi. Mohd Ali, yang juga Pengerusi Biro Latihan Umno, berkata ahli baru serta lama sebagai kumpulan sasaran untuk mengikut kursus adalah antara perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat biro berkenaan.

Katanya, mesyuarat itu juga akan membincangkan garis panduan serta tempat latihan dan jurulatih serta tempoh kursus yang akan diadakan.

"Kita tiada masalah mendapatkan jurulatih kerana setiap ahli MT mempunyai 10 jurulatih parti sebagaimana pernah diputuskan dalam mesyuarat MT," katanya. Beliau berkata, selepas diluluskan oleh MT, Biro Latihan akan memulakan siri kursus mulai November ini dengan penyertaan 150 peserta setiap kursus.

Katanya, tempat kursus akan ditetapkan nanti, termasuk kemungkinan diadakan pada setiap bahagian Umno.

Sebelum itu, Mohd Ali, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka mahu setiap cawangan Umno di negeri ini menerima sesiapa saja yang hendak menganggotai parti itu.

Katanya, jika permohonan itu tidak diterima oleh cawangan, permohonan boleh dibuat terus kepada setiap bahagian.

"Saya harap tiada ketua Umno cawangan yang menolak permohonan seseorang yang hendak menjadi ahli parti," katanya.

Beliau juga mengarahkan Pemuda Umno di negeri ini menetapkan sasaran untuk mencari ahli baru dengan membuat analisa terperinci kerana tiada lagi masa untuk berehat.

"Jangan jadikan pemilihan bahagian pada tahun depan sebagai agenda utama kerana yang penting adalah menyemarakkan perjuangan parti, termasuk menarik sokongan rakyat kepada parti," katanya.

(END)